

Ajinomoto sumbang RM20,000

Sumbangan kepada Persatuan Kebajikan Rainbow Bridge itu akan diagihkan ke 23 buah rumah kebajikan di Lembah Klang

KUALA LUMPUR

Peka dengan keperluan rumah-rumah kebajikan yang berdepan kesukaran kesan pandemik Covid-19, pengeluar makanan dan perasa Ajinomoto (M) Bhd (Syarikat Ajinomoto) memberikan sumbangan berjumlah RM20,000.

Inisiatif tersebut merupakan projek amal pertama syarikat tersebut tahun ini yang digerakkan di bawah program Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV).

Ketua Pegawai Jualan dan

Pemasaran Syarikat Ajinomoto, Noriko Saito berkata, sumbangan tersebut disalurkan kepada Persatuan Kebajikan Rainbow Bridge Malaysia untuk disalurkan ke 23 buah rumah kebajikan di Lembah Klang melalui bank makanan Rainbow Bridge.

"Usaha ini merupakan satu inisiatif untuk menggalakkan kesihatan yang lebih baik dan kesejahteraan masyarakat yang memerlukan serta kurang bernasib baik.

"Kami memahami rumah-rumah tersebut telah melalui detik yang sukar ketika pandemik Covid-19, jadi kami amat berbesar hati untuk memainkan peranan dalam membantu meringankan kesusahan beberapa buah rumah," katanya pada majlis penyampaian wang tunai dan produk Ajinomoto di sini pada Rabu.

Majlis itu diadakan Rumah Titian Kaseh (Asrama Putera), rumah perlindungan kanak-kanak di Taman Duta.

Antara rumah kebajikan



Ketua Pegawai Jualan & Pemasaran Syarikat Ajinomoto Noriko Saito (dua, kiri) menyampaikan replika cek sumbangan berjumlah RM20,000 dan barangan Ajinomoto kepada Naib Pengerusi Rainbow Bridge Mervin Mohan Appana

yang mendapat manfaat daripada sumbangan tersebut adalah Rumah Kebajikan Wargamas Charis Shah Alam, Rumah Orang Tua AiYiDe, Persatuan Rumah Kebajikan Kanak-kanak Lighthouse, Rumah Titian Kaseh, Persatuan Kebajikan

Kanak-kanak Akal Tercatat dan House of Joy.

Mengulas lanjut, Saito berkata, pemilihan Rainbow Bridge sebagai platform bagi mengagihkan sumbangan berkenaan mengambil kira penubuhan itu sebagai sebuah organisasi bukan

berasaskan keuntungan.

Katanya, Rainbow Bridge juga mempunyai akses kepada rumah-rumah tersebut menerusi pengalaman dalam melaksanakan program bank makanan sebelum ini.

"Ini bukan sumbangan terakhir kami dan kami berharap kerjasama yang berterusan dapat dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, Naib Pengerusi Rainbow Bridge Mervin Mohan Appana berkata, sumbangan syarikat Ajinomoto akan membantu ke arah program milik organisasi berkaitan makanan kepada rumah-rumah berkenaan.

"Kami bersyukur kerana syarikat Ajinomoto menyertai senarai penderma korporat dan individu bagi membantu rumah-rumah ini.

"Kami juga berharap syarikat Ajinomoto akan terus memainkan peranan untuk terus bersama kami untuk manfaat penghuni rumah-rumah berkenaan," katanya.